

**YB DATO SRI' AHMAD SHABERY CHEEK
MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA**

BERKAITAN

**“STATUS PENDAFTARAN PENGGUNA DATA DI
BAWAH KEPERLUAN AKTA PERLINDUNGAN DATA
PERIBADI 2010 (AKTA 709)”**

**ARAS 32, KOMPLEKS KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN
MULTIMEDIA MALAYSIA (KKMM)**

20 MEI 2014 (SELASA)

2.30 PETANG

**KENYATAAN SIDANG MEDIA:
PELAKSANAAN PENDAFTARAN PENGGUNA DATA DI BAWAH
KEPERLUAN AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010
(AKTA 709)**

OLEH:

**YB DATO SRI' AHMAD SHABERY CHEEK
MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA**

**KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA
PUTRAJAYA, 20 MEI 2014 (SELASA)**

Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709) telah dikuatkuasakan bermula 15 November 2014. Bagi memudahkan proses peralihan dan penyesuaian pihak industri dengan suasana kawal selia yang baru, Akta 709 telah dan akan dilaksanakan mengikut 3 fasa iaitu:

- **Fasa pertama** – tumpuan kepada aspek pendaftaran golongan pengguna data yang terlibat dan mengadakan program kesedaran umum;
- **Fasa kedua** – penekanan kepada aspek pematuhan dan penilaian bagi mengukur tahap kesiediaan entiti pengguna data bagi membangunkan kod tata amalan dan lain-lain amalan terbaik; dan
- **Fasa ketiga** – pelaksanaan penuh Akta 709 melalui penyeliaan, pemantauan, pemeriksaan dan penyiasatan.

2. Penguatkuasaan secara berperingkat perlu bagi memberi masa sewajarnya kepada organisasi pemproses data untuk mengkaji semula dasar perlindungan data peribadi dalaman, prosedur dan amalan termasuk menyelaras dan menyesuaikan sistem sedia ada bagi menjamin keselamatan data peribadi selaras dengan kehendak Akta 709. Dengan berkuatkuasanya Akta 709 juga, semua pihak yang memproses data peribadi bagi tujuan komersial perlu mematuhi prinsip perlindungan data peribadi sebagaimana diperuntukkan di bawah Akta 709 dalam tempoh 3 bulan yang diberikan bagi menyelesaikan proses peralihan tersebut (dari 15 Nov 2013 – 15 Feb 2014).

3. Fasa pertama pelaksanaan Akta 709 melibatkan peruntukan Seksyen 16 di mana 11 sektor pengguna data seperti digariskan dalam Perintah Menteri iaitu komunikasi; perbankan dan institusi kewangan; insurans; kesihatan; pelancongan dan hospitaliti; pengangkutan; pendidikan; jualan langsung; perkhidmatan; hartanah; dan utiliti dikehendaki untuk memaklumkan kepada Pesuruhjaya mengenai aktiviti komersial yang berkaitan dengan pemprosesan data peribadi melalui pendaftaran.

4. Bagi industri lain seperti teknologi maklumat dan pembekal barangan atau perkhidmatan yang belum disenaraikan secara khusus sebagai pihak perlu berdaftar dalam fasa pertama ini, juga tertakluk kepada Akta 709 sekiranya turut memproses data peribadi bagi tujuan komersial. Oleh itu, mereka dinasihatkan untuk membuat semakan melalui Perintah Menteri yang diwartakan pada November 2013 dan garis panduan yang

dikeluarkan oleh Pesuruhjaya bagi memastikan status mereka sama ada perlu berdaftar atau sebaliknya.

5. Pendaftaran merupakan satu prosedur di mana organisasi yang memproses data atau pengguna data akan memaklumkan kepada Pesuruhjaya mengenai maklumat aktiviti pemprosesan data peribadi yang dijalankan. Antaranya termasuklah menyatakan tujuan data peribadi diproses, nama dan jawatan pegawai yang bertanggungjawab menguruskan perlindungan data peribadi, memaklumkan kepada siapa dan bagaimana data peribadi didedahkan serta lokasi pemindahan data peribadi ke luar negara, sekiranya ada.

6. Maklumat tersebut akan direkodkan oleh Pesuruhjaya dalam sistem pendaftaran yang kemudiannya akan didedahkan kepada umum bagi tujuan semakan. Langkah ini penting bagi mencapai maksud Akta 709 sendiri yang bertujuan mengawal selia dan memastikan data peribadi diurus dengan betul oleh pengguna data.

7. Setiap pendaftaran yang diluluskan akan disertakan dengan perakuan pendaftaran dan ia perlu dipamerkan di tempat mudah dilihat dalam premis perniagaan masing-masing. Ini akan meningkatkan tahap kepercayaan serta keyakinan kedua-dua pihak apabila data peribadi diminta dan diproses bagi tujuan komersial.

8. Maklumbalas daripada organisasi pengguna data dalam tempoh peralihan selama 3 bulan yang diberikan adalah sangat menggalakkan dan jumlah permohonan yang diterima melangkaui bilangan yang dijangkakan oleh Kementerian ini dan Pesuruhjaya. Oleh itu, saya ingin mengumumkan bahawa sehingga akhir April 2014, sejumlah **14,884** permohonan sedang diproses oleh Pesuruhjaya berbanding sasaran awal sebanyak 8,500 permohonan. Maklumat terperinci adalah seperti di Lampiran 1.

9. Sambutan yang diterima ini menggambarkan komitmen dan kesungguhan pengguna data menerima perubahan dari segi persekitaran perundangan dan perniagaan baru, dan menjadikan pematuhan sebagai proses yang berterusan. Susulan kejayaan pelaksanaan Fasa Pertama, dan untuk mempercepatkan pematuhan kepada Akta 709, Pesuruhjaya juga telah membuat persediaan sewajarnya bagi melaksanakan Fasa Kedua yang bermula awal April 2014 lalu.

10. Dalam Fasa Kedua ini, Pesuruhjaya akan memberi tumpuan kepada aspek penilaian bagi menilai tahap pematuhan, meneruskan rundingan dengan industri pengguna data secara lebih khusus serta melaksanakan Forum Pengguna Data untuk mewujudkan Tata Amalan. Keahlian Forum ini akan ditentukan oleh Pesuruhjaya secara spesifik kerana setiap Tata Amalan yang dihasilkan perlu diselaraskan dengan kehendak Akta 709 selain disesuaikan dengan keperluan Golongan Pengguna Data itu sendiri. Untuk itu, bengkel-bengkel khusus akan diadakan bagi membantu

golongan pengguna data memahami amalan dan pendekatan terbaik bagi mematuhi Akta 709.

11. Bergantung kepada keperluan, dijangkakan tiga Kod Tata Amalan akan disediakan dan dilaksanakan menjelang akhir tahun 2014 dan empat lagi akan dapat diselesaikan pertengahan tahun 2015. Pada masa ini, beberapa Tata Amalan sedang dibincangkan termasuklah bagi Sektor Komunikasi, Kesihatan, Kewangan, Insuran dan Jualan Langsung.

12. Pada masa yang sama, program-program kesedaran awam akan terus dipertingkatkan. Orang ramai akan diberi bimbingan dan nasihat melalui program pendidikan secara berterusan terutama mengenai kepentingan perlindungan data peribadi yang dilaksanakan oleh JPDP dengan tujuan memelihara data peribadi mereka daripada sebarang bentuk penyalahgunaan dan ancaman privasi yang berbentuk komersial.

13. Bagi merialisasikan aspirasi ini, Pesuruhjaya dengan kerjasama agensi berkaitan telah mengadakan bengkel pematuhan yang bermula pada bulan Mac 2014 lalu dimana bengkel tersebut telah berjaya menarik lebih 250 penyertaan dari pelbagai sektor dan latar belakang industri. Program seperti ini juga akan diteruskan secara berkala dan maklumat lanjut mengenainya akan dimuat naik di laman sesawang JPDP bagi pengetahuan umum.

14. Selain itu, inisiatif untuk meningkatkan sumber rujukan (*repository resources*) pematuhan secara atas talian kepada pengguna data juga turut diperluaskan lagi dengan memperbanyakkan publikasi bahan-bahan rujukan dalam bentuk garis panduan nasihat dan amalan terbaik.

15. Sehingga bulan April 2014, beberapa garis panduan nasihat berhubung Pemasaran Langsung, Panduan Pematuhan, Hubungan Majikan Pekerja dan Pendekatan Persetujuan telah dimuat naik ke portal Pesuruhjaya untuk pandangan umum sebelum dimuktamad dan dijadikan rujukan umum.

16. Sebagai langkah jangka panjang dalam melindungi subjek data dari ancaman *spams* pula, Kementerian melalui Pesuruhjaya turut menjalankan kajian dari segi keperluan perundangan, sistem IT, modus operandi, kaedah kawal selia dan model pembiayaan untuk melaksanakan sistem daftar larangan panggilan atau *no call registry system (NCRS)* menjelang suku keempat tahun 2014.

17. Sistem ini bertujuan membolehkan subjek data yang tidak bercadang menerima panggilan dari agen pemasaran langsung mendaftarkan nombor telefon atau kontek mereka melalui sistem yang disediakan secara percuma. Kajian ini akan mengambil kira pendekatan yang dilaksanakan di United Kingdom, Ireland, Hong Kong, Singapura dan New Zealand yang

dikatakan memberi impak positif dalam usaha meningkatkan perlindungan kepada subjek data dari ancaman *spams*.

18. Oleh yang demikian, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih atas komitmen dan kerjasama yang diberikan oleh semua Pengguna Data kepada Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia serta Persuruhjaya Perlindungan Data Peribadi Malaysia dalam menjayakan pelaksanaan Fasa Pertama dan Kedua, Akta 709 ini. Saya berharap kerjasama tersebut dapat diteruskan dan dipertingkatkan bagi menjayakan pelaksanaan Fasa Kedua dan Ketiga, Akta 709 ini.

19. Kementerian ini juga yakin bahawa dengan kerjasama, sokongan serta komitmen berterusan yang diberikan oleh semua pihak, pelaksanaan Akta 709 akan memberikan faedah yang dijangkakan kepada semua pihak terutama dari segi membina persekitaran perundangan dan perniagaan sesuai dengan era digital dengan nilai menghormati data peribadi sebagai budaya kehidupan masyarakat.

Sekian, terima kasih.

**Butiran Perincian Pendaftaran Pengguna Data Mengikut Sektor
Pengguna Data Sehingga April 2014.**

Bil.	Golongan Pengguna Data	Jumlah Pendaftaran	Contoh Pengguna Data Berdaftar
1	Komunikasi	222	Celcom,Digi, TM,Link Express dll.
2	Perbankan dan Kewangan	136	Maybank,Sumitomo Bank,Hong Leong Bank Islam dll.
3	Insuran	124	Etiqa,Mcis Zurich,Axa Affin, Manulife dll.
4	Kesihatan	3434	HSC Medical Center, KPJ , SJMC dll.
5	Pelancongan/Hospitaliti	1045	Eastin, One-World, Shangri – La, Hilton, dll.
6	Pengangkutan	61	MAS,Firefly,Air Asia X, Berjaya dll.
7	Pendidikan	374	MMU, LKWU,Taylor, INTI dll.
8	Jualan Langsung	267	Gamat,Totalife,Cosway, Amway dll.
9	Perkhidmatan	5961	PWC, ZICO, Job Street, Kelly dll.
10	Hartanah	3235	SIME-UEP,TTDI, I&P,Sunway dll.
11	Utiliti	25	Syabas, TNB, Sabah Electricity,Sesco, dll.
	Jumlah	14884	

